

U GB 20-05 00189 BH779

bah

(Ulangan membetulkan nama kawasan Parlimen Mustapha, para 3)

LEAD Mustapha - Kerusi (Menggantikan berita terdahulu)

TUN MUSTBPI-IA TAK PERLU KOSONGKAN KERUSINYA DI NEGERI, KATAPM

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Tun Datu Mustapha Harun tidak perlu mengosongkan kerusinya dalam Dewan Undangan Negeri Sabah untuk menjadi menteri kabinet persekutuan.

"Tidak semestinya Tun Mustapha meletak jawatan sebagai Anggota Dewan Undangan Negeri," katanya ketika ditanya mengenai perkara itu selepas beliau merasmikan seminar mengenai peranan hospital swasta di sini.

Tun Mustapha, anggota Parlimen kawasan Limbawang adalah juga wakil rakyat kawasan Usukan di Dewan Undangan Negeri.

Semalam Dr Mahathir mengumumkan yang Kabinet bersetuju melantik Mustapha sebagai Menteri Hal Ehwal Sabah, jawatan yang pernah disandangnya 27 tahun lepas, bagi mengendalikan hal ehwal negeri itu.

Ketika ditanya mengenai proses perantikan kakitangan sokongan bagi Mustapha seperti Ketua Setiausaha kementerian, beliau berkata perkara itu akan dijalankan mengikut prosedur biasa.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata pada waktu ini beliau tidak nampak keperluan diadakan jawatan Timbalan Menteri bagi kementerian baru itu. -- Lagi.

♥20/05/15-23MST

R GB 20-05 00137 BA899

bah

LEAD Mustapha - Kerusi 2 Kuala Lumpur

Apabila ditanya sama ada jawatan itu bersifat kekal atau sementara, beliau berkata: "Ia mengikut keperluan kerana kita tidak terikat dengan peraturan yang mengongkang."

Sebagai contoh, katanya, sebelum ini Malaysia tidak mempunyai kementerian yang khusus menjaga hal ehwal pelancongan serta perdagangan dalam negeri.

Mengenai kemungkinan seorang menteri dilantik bagi mentadbirkan hal ehwal negeri Kelantan, beliau berkata pada masa kini semua urusan itu dijalankan oleh Menteri Belia dan Sukan Datuk Annuar Musa.

Ketika mengulas kenyataan anak Mustapha, Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah, Datu Amirkahar, bahawa bapanya di jadikan perhiasan dalam Kabinet pusat, Perdana Menteri berkata beliau lah (Amir Kahar) yang sebenarnya menjadi perhiasan.

"Dialah yang menjadi perhiasan dengan bayaran. Naik gaji, lepas tu ditawarkan jadi menteri," kata Dr Mahathir. -- Lagi.

▼20/05/14-01MST

U GB 20-05 00187 BA900

bah

LEAD Mustapha - Kerusi 3 Kuala Lumpur

Ketika diminta pandangannya mengenai laporan akhbar hari ini bahawa Amerika mahukan hubungan perdagangan formal antara Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta) dan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta), Perdana Menteri berkata beliau perlu mengetahui butiran usaha berkenaan.

"Kita kena periksa dahulu untuk mengetahui apa sebenarnya hubungan ini," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia akan bersetuju sekiranya hubungan itu membawa manfaat dan akan menolak jika keadaan sebaliknya.

Akhbar hari ini menyebut bahawa Penolong Setiausaha Amerika bagi Hal Ehwal Asia Timur dan Pasifik, Winston Lord, menyatakan perkara itu pada perbincangan tahunan Asean dengan negara itu di Brunei minggu lepas.

Terdahulu, Menteri Undang-undang Datuk Syed Hamid Albar, juga berkata Tun Datu Mustapha Harun tidak perlu mengosongkan kerusi Usukan berikutan perlantikannya sebagai Menteri Hal Ehwal Sabah.

Katanya, tidak ada undang-undang yang mengatakan beliau perlu berbuat demikian,

"Tetapi menjadi amalan biasa untuk berbuat demikian apabila seseorang itu dilantik menjadi menteri kabinet," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan penubuhan Tribunal Timbangtara Perniagaan dan Perindustriaan Cina Kuala Lumpur dan Selangor di sini. -- Lagi.

▼20/05/14-20MST

U GB 20-05 00152 BA901

bah

LEAD Mustapha -Kerusi 4(Akhir)Kuala Lumpur

Syed Hamid berkata perlantikan Mustapha merupakan pengikhtiraf an kerajaan pusat yang menunjukkan bahawa Mustapha, yang juga Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO Sabah, masih mempunyai peranan penting dalam memastikan pembangunan di negeri itu.

Sambil menyifatkan perlantikan itu sebagai tepat, Syed Hamid yakin Mustapha akan membantu kerajaan Pusat memberitumpuan yang lebih terhadap niasalah di Sabah.

"Dengan cara ini, saya harap beliau akan dapat membawa Sabah ke arah arus utama pembangunan ekonomi," katanya.

Masanya telah tiba untuk kerajaan Pusat menitikberatkan soal ekonomi negeri itu dengan lebih agresif kerana PBS selama ini hanya menumpukan perhatian terhadap soal politik, kata Syed Hamid.

Mengcnai kenyataan Amirkahar Tun Datu Mustapha yang mengatakan bahawa perlantikan bapanya itu sebagai "hiasan", Syed Hamid berkata: "Sebenarnya, PBS telahpun membuat hiasan terhadap Amirkahar. Saya rasa dia kesal sekarang." -- Bernama.

JO ES NM.

▼20/05/14-22MST

R GB 20-05 00175 BH763

BAH

Mustapha -Kerusi

TUN MUSTAPHA TIDAK PERLU MBNGOSONGKBN KERUSI LISUKAN

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Tun Datu Haji Mustapha Datu Harun tidak perlu mengosongkan kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Usukan berikutan perlantikannya sebagai Menteri Hal Ehwal Sabah, kata Menteri Undang-Undang, Datuk Syed Hamid Albar, hari ini.

Katanya, Mustapha tidak perlu berbuat demikian kerana tidak ada undang-undang yang mengatakan beliau perlu berbuat demikian.

"Tetapi adalah menjadi amalan hiasa untuk berbuat demikian apabila seseorang itu dilantik menjadi seorang menteri kabinet," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan penubuhan Tribunal Timbangtara Perniagaan dan Perindustriaan Cina Kuala Lumpur dan Selangor, di sini.

Mustapha, selain daripada menjadi Anggota Dewan Undangan Negeri Usukan juga ialah Anggota Parlimen Limbawang. Perlantikannya itu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Syed Hamid membericontoh bahawa Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Haji Abdul Tail, Mahmud, yang merupakan Anggota Parlimen Kota Samarahan dan juga anggota dewan undangan negeri kawasan Asa Jaya, tidak mengosongkan kerusi Asa Jaya walaupun dilantik ke jawatannya sekarang. -- Lagi.